

21 SEP 2000

Mahathir-Filipina

RAKYAT FILIPINA AKAN DILAYAN SEBAGAI PELARIAN PERANG, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 21 Sept (Bernama) -- Rakyat Filipina yang lari ke Malaysia untuk mengelak daripada serangan tentera di selatan negara itu akan dilayan sebagai pelarian perang, kata Perdana Menteri hari ini.

"Kalau dia datang, kita akan layan dia orang seperti kita layan orang (pelarian) Vietnam dulu," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak lagi boleh terima mereka sebagai pendatang haram tetapi sebagai pelarian perang dan ditempatkan di satu tempat khusus."

Beliau berkata mereka tidak akan dibenarkan keluar dari tempat itu melainkan jika mereka sanggup balik ke negara asal.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai dasar kerajaan dalam menghadapi kemungkinan penduduk selatan Filipina memasuki Malaysia kerana melarikan diri daripada serangan tentera negara itu terhadap kubu kumpulan pemisah.

Tentera Filipina melancarkan serangan Sabtu lepas terhadap kubu kumpulan pemisah dalam usaha membebaskan 17 mangsa culik, termasuk tiga rakyat Malaysia yang dilaporkan ditahan oleh kumpulan bersenjata itu di Pulau Jolo di selatan Filipina.

Bagaimanapun, sejak serangan itu dilancarkan, kerajaan Filipina dilaporkan telah mengenakan sekatan terhadap media untuk melaporkan perkembangan di selatan negara itu.

Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia telah menempatkan anggota mereka di beberapa pulau di Sabah bagi memastikan tidak ada anggota kumpulan pemisah dari Filipina yang memasuki perairan Malaysia untuk mencari perlindungan.

-- BERNAMA

MAM ES RON